

# Guna ISA ke atas pengendali blog

UM: 9/7/2007

BATU PAHAT 8 Julai - Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Mohamad Norza Zakaria mahu kerajaan bertindak tegas termasuk mengenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap pemilik blog yang biadap terhadap pemimpin negara.

Beliau yang juga Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan berkata, tindakan itu perlu kerana banyak laman blog yang cuba memperlekeh, menghina, merendah-rendahkan, memfitnah dan menyebarkan berita palsu mengenai pemimpin negara.

Katanya, pemilik blog termasuk Ketua Penerangan Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua mesti bertanggungjawab kerana Internet merupakan antara medium untuk mendidik dan memberi informasi yang tepat kepada orang ramai.

"Kerajaan perlu memantau perkara ini dan mengheret mereka ke pengadilan agar ia menjadi satu isyarat kepada pengendali laman blog yang lain," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Pemuda UMNO Bahagian Ayer Hitam di Dewan Seri Perdana di Sekolah Menengah Kebangsaan, Datuk Menteri, Ayer Hitam, dekat sini hari ini.